

Ekonomi dan Pengurusan Kewangan

Skor

60

Bahagian A

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

10

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. Orang yang _____ tidak akan mudah terpengaruh oleh kempen jualan murah.
 A hemah C boros
 B hemat D bolos

2.



Lori yang dipandu laju itu terbabas _____ melanggar pembahagi jalan.

- A lalu C kerana
 B dan D semasa

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betulnya.

3. I Api dari kilang yang terbakar itu menjulang sehingga jelas kelihatan dari sekolah saya.
 II Selepas menerima piala kemenangannya, pemenang itu terus menjulang pialanya.
 III Rakyat akan menjulang tinggi pemimpin yang berjiwa rakyat.
 IV Gadis itu menjulang kepalanya di tingkap setelah mendengar bunyi hon kereta.

- A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

4. I Perdebatan berlaku dalam mesyuarat itu kerana majikan telah diserang oleh para pekerja dengan kata-kata yang pedas.
 II Pahlawan Melayu sedaya upaya mempertahankan tanah air daripada diserang oleh musuh.
 III Encik Mazlan diserang penyakit jantung setelah mendapat berita yang mengejutkan itu.
 IV Rumah usang itu diserang oleh pihak polis setelah menerima aduan tentang aktiviti penagihan dadah.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II, dan III sahaja
 D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. "Bawalah berbincang jika sekiranya timbul apa-apa masalah," nasihat ketua kampung itu.
 A sekiranya timbul apa masalah
 B jika sekiranya timbul apa masalah



- C sekiranya timbul apa-apa masalah
- D jika sekiranya timbul apa-apa masalah

6. Beberapa orang murid-murid telah membantu Cikgu Norzali mengemas stor sukan.
- A Beberapa murid
 - B Beberapa orang murid
 - C Beberapa murid-murid
 - D Beberapa orang murid-murid

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Para peserta itu saling bertukar-tukar alamat selepas program perkhemahan itu berakhir.
II "Hamba akan membalas jasa ayah dan ibu apabila dewasa nanti," kata Faisal.
III Ahli gusti itu berjaya menjatuhkan lawannya sebanyak empat kali.
IV Guru-guru itu sedang membincangkan masalah disiplin murid.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II, dan III sahaja
 - D II, III, dan IV sahaja
8. I Pembelian atas talian semakin popular kini kerana urusannya lebih mudah dan menjimatkan masa.
II Aizat adalah murid yang paling tinggi dalam kelas itu.
III Setelah lima tahun berkhidmat di syarikat itu, Encik Zahid akhirnya dinaikkan pangkat.
IV Tukang masak itu menyediakan hidangan yang istimewa untuk para pelanggannya yang setia.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang **paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal**.

9. **Murid-murid hendaklah saling membantu untuk menceriakan kelas masing-masing.**
- A Setiap kelas hendaklah diceriakan oleh semua murid.
 - B Setiap kelas akan ceria jika murid-murid menghulurkan bantuan.
 - C Bantuan daripada murid-murid amat diperlukan untuk menceriakan setiap kelas.
 - D Untuk menjadikan kelas ceria, sikap bekerjasama dalam kalangan murid sangat penting.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Melakukan perbuatan yang sia-sia

10. Peribahasa yang **tidak** menggambarkan maksud di atas ialah
- A bagai pohon kayu tidak berbuah.
 - B bagai bersuluh di tengah hari.
 - C bagai mencurah garam ke laut.
 - D bagai mencurah air ke daun keladi.



Pemahaman Petikan

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

“Lim Meng pernah mengadu kepada aku, orang kampung semuanya kompelin. Kaunaikkan harga barang sesuka hati. Kausorokkan barang-barang sesuka hati. Apabila orang kampung datang beli, kau cakap gula dah habis. Padahal kausorokkan barang-barang itu di dalam stor dekat belakang kedai tapi pada suatu masa pula, kaukeluarkan dan menjualnya dengan harga yang tinggi. Kaukaut untung daripada orang kampung, sampaikan orang kampung terpaksa berhutang dengan kau. Hutang itu pula kaukenakan bunga. Kau memang tak berhati perut kerana itulah perniagaan kaulingkup. Apabila orang kampung dah tak percaya akan kau dan perniagaan kau mula tak laku, kausalahkan kelahiran Lim Meng kerana Lim Meng lahirlah perniagaan kau rosak. *Tak ada onglah*. Macam-macam lagi kautuduh. Lim Meng tak bersalah. Yang bersalahnya diri kau sendiri.”

Lim Pooi seolah-olah menelan sebutir-butir kata yang dimuntahkan dari mulut Sim Pau. Dia langsung tidak baran lagi. Ada riak sedar pada wajahnya. Lim Pooi tampak tidak keruan. Dia mula bangun dari kerusi malas dan menuju ke arah jendela nako yang terbuka luas. Malam itu tenang. Cahaya bulan samar di langit.

“Lim Foong meninggal dunia juga bukan sebab Lim Meng. Lim Foong meninggal dunia kerana dia lemas. Dia lemas bukan kerana nak menyelamatkan Lim Meng tapi cuba nak bersembunyi daripada orang yang mengejanya, yang memintanya membayar hutang kalah judi.” Lim Pooi tersentak, seakan-akan tidak percaya dengan omongan Sim Pau. Tak mungkin Lim Foong berjudi. Tak mungkin. Batinnya menjerit.

Dipetik daripada cerpen ‘Kuih Bakul Limau Mandarin’, Antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

11. Apakah maksud rangkai kata *tak ada onglah*?
 - A Tidak berkuasa
 - B Tidak ada keluarga
 - C Tidak bernasib baik
 - D Tidak ada harta benda
12. Mengapakah Lim Pooi menyorokkan barang-barang di dalam stor di belakang kedai?
 - A Untuk mengelakkan kedainya diserbu oleh pihak penguat kuasa
 - B Untuk mengelakkan barang daripada dicuri
 - C Untuk mengelakkan barang daripada rosak
 - D Untuk dijual dengan harga yang tinggi
13. Yang berikut ialah faktor-faktor yang menyebabkan perniagaan Lim Pooi bankrap **kecuali**
 - A menjual barang dengan harga yang tinggi.
 - B membayar hutang Lim Foong yang kalah judi.
 - C mengenakan bunga yang tinggi terhadap hutang para pelanggan.
 - D orang kampung hilang kepercayaan terhadap perniagaannya.
14. Pada tanggapan Lim Pooi, bagaimanakah anaknya, Lim Foong meninggal dunia?
 - A Anaknya mati lemas ketika ingin menyelamatkan Lim Meng.
 - B Anaknya mati dipukul oleh Lim Meng.



- C Anaknya mati dilanggar kereta ketika dikejar oleh pemiutang.
- D Anaknya mati dikejar dan dipukul oleh orang yang memintanya membayar hutang kalah judi.

15. Apakah latar masa yang terdapat dalam petikan cerpen tersebut?

- A Waktu dinihari yang sejuk
- B Waktu pagi yang hening
- C Waktu malam yang tenang
- D Waktu siang yang panas